

SULIT  
1249/1  
SEJARAH  
KERTAS 1  
NOVEMBER  
2000  
1 JAM

1249/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN TERENGGANU  
DENGAN KERJASAMA  
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2000

TINGKATAN EMPAT

---

---

SEJARAH

KERTAS 1

Satu jam

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*Arahan*

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan dengan kertas jawapan objektif anda.

1. Orang Neolitik menganggap banjir dan kemarau adalah pemusnah pertanian. Oleh itu mereka mententeramkan semangat yang dikaitkan dengan unsur alam. Mengapakah mereka berbuat demikian?
  - A. Mereka bergantung hidup pada hasil pertanian
  - B. Mereka ingin mengelakkan daripada berpindah randah
  - C. Mereka mempercayai semangat atau tuhan yang mengawal alam semesta
  - D. Mereka mempercayai tuhan air dan tuhan matahari
  
2. Apakah sumbangan tamadun Mesopotamia yang wujud antara Sungai Tigris dan Sungai Euphrates kira-kira 6000 tahun dahulu?
  - I Mencipta roda untuk memudahkan pengangkutan
  - II Menghasilkan sistem tulisan cuneiform
  - III Memperkenalkan sistem konsonan dan vokal
  - IV Memperkenalkan penggunaan batu-bata untuk membina bangunan
  - A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV
  
3. Raja Menes telah memberi sumbangan yang besar kepada tamadun Mesir. Antara berikut manakah sumbangan baginda itu?
  - I Menyatukan Mesir
  - II Mengasaskan dinasti Mesir yang pertama
  - III Memperkenalkan tulisan cuneiform
  - IV Mendirikan ibu kota di Memphis
  - A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV

4. Apabila kejadian bencana alam seperti banjir, kemarau dan wabak penyakit berlaku di Lembah Hwang Ho, ia menandakan bahawa
- A. kebuluran akan berlaku di China
  - B. ramai penduduk akan mati
  - C. penduduk akan berpindah dari Lembah Hwang Ho ke lembah sungai yang lain
  - D. dinasti memerintah akan kehilangan kuasa
5. Pengetahuan sains dan agama dalam tamadun Indus dikumpul dalam sutra-sutra yang ditulis dengan mudah, pendek dan menarik. Mengapakah mereka berbuat demikian?
- A. Untuk memudahkan kanak-kanak berusia 8 hingga 12 tahun mengingatnya
  - B. Untuk memudahkan ilmu disampaikan oleh pemerintah
  - C. Untuk membolehkan pendeta menyebarkan agama Hindu
  - D. Untuk membolehkan masyarakat membuat rujukan
6. Pada kurun ke-3 dan ke-2 S.M., Rom telah berjaya membina tamadun manusia. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan tamadun Rom itu?
- I Seni binanya dipengaruhi tamadun Yunani
  - II Sistem perundangannya berasaskan bukti yang sahih
  - III Pemimpinnya dipilih di kalangan ahli falsafah
  - IV Sistem pemerintahannya bercorak republik
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV
7. Konsep 'li' berkaitan dengan kepakaran yang ada pada Confucius, apakah kepakaran yang dimaksudkan itu?
- A. Susunan tingkah laku yang baik
  - B. Susunan adab yang baik
  - C. Susunan pantang larang yang baik
  - D. Susunan sikap yang baik

8. Peperangan merupakan perkara biasa pada zaman Jahiliyah dalam masyarakat Arab. Apakah faktor utama yang menyebabkan mereka suka berperang?
- A. Mereka ingin menyebarkan ajaran sendiri
  - B. Mereka cuba memiliki harta benda pihak musuh
  - C. Mereka cuba menguasai pusat ekonomi
  - D. Mereka amat mengutamakan fahaman asabiyah
9. Nabi Muhammad s.a.w. menghadapi tentangan hebat daripada golongan Quraisy semasa Baginda sedang menyebarkan Islam di Makkah. Mengapakah ajaran Baginda ditentang?
- I Agama Islam bertentangan dengan stratifikasi sosial masyarakat
  - II Agama Islam menggugat kepentingan ekonomi masyarakat
  - III Masyarakat Quraisy gagal memahami ajaran Islam
  - IV Masyarakat Quraisy enggan meninggalkan kepercayaan yang diwarisi
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV
10. Pada zaman Khalifah al-Rasyidin, perantukan seorang khalifah akan diikuti oleh majlis baiah. Ini penting kerana
- A. untuk memberi persetujuan dalam menjalankan tugas
  - B. untuk memberi persetujuan menerima pemimpin
  - C. untuk memberi pengakuan persetujuan antara pemerintah dan rakyat
  - D. untuk memberi pengesah menerima tanggungjawab
11. Muawiyah bin Abu Sufian dianggap sebagai khalifah yang terkenal pada zaman Bani Umayyad kerana
- A. beliau telah mengubah sistem pentadbiran Islam
  - B. beliau telah mengasaskan kerajaan Bani Umayyad
  - C. beliau seorang yang berfikiran terbuka
  - D. beliau seorang pemimpin yang pintar berpolitik

12. Semasa pemerintahan kerajaan Bani Abbasiyyah, ketinggian ilmu pengetahuan telah tersebar ke benua Eropah. Bagaimana ini boleh berlaku?

- I Perkembangan penulisan
- II Kegiatan penterjemahan
- III Perhubungan politik
- IV Pertukaran pelajar

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV


13. Antara tahun 1389 hingga 1403, kerajaan Turki Uthmaniyyah telah berjaya menguasai Bosnia, Bulgaria dan Hungary. Apakah kesan ke atas penguasaan negara-negara tersebut?

- A. Puak Kristian mendendami Turki Uthmaniyyah
- B. Ekonomi negara taklukan merosot
- C. Pentadbiran tanah jajahan dipenuhi rasuah
- D. Hubungan pemerintah dan penduduk Kristian terjalin erat

14. Antara teori kedatangan Islam di Asia Tenggara menyatakan Islam datang dari India melalui Cambay. Apakah bukti yang menyokong teori di atas?

- I Ramai pedagang dari India mengunjungi pelabuhan di Asia Tenggara
- II Batu nisan dan batu bersurat yang ditemui di Asia Tenggara sama seperti di India
- III Pada zaman Kesultanan Delhi, Islam telah bertapak kuat
- IV Tentera Baghdad telah diserang oleh tentera Kristian

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV



15. Dari kenyataan di atas, X menggambarkan keadaan masyarakat Eropah pada zaman....

- A. Purba
- B. Gelap
- C. Moden Awal
- D. Renaissance

16. Masyarakat Eropah pada zaman feudal terbahagi kepada golongan pemimpin dan dipimpin. Bagaimanakah kedudukan rakyat biasa dalam sistem masyarakat ini?
- Mereka memiliki tanah milik vassal
  - Mereka sentiasa menjalankan arahan vassal
  - Mereka bukan hamba tetapi tidak pula bebas sepenuhnya
  - Mereka terikat pada vassal tetapi boleh berpindah tempat
17. Zaman Renaissance telah melahirkan pemikir humanisme seperti sasterawan Belanda, Erasmus. Apakah yang anda faham tentang humanisme?
- Aliran pemikiran yang mementingkan pencapaian duniawi
  - Aliran pemikiran yang mengutamakan kebolehan manusia
  - Aliran pemikiran yang menganggap manusia sebagai objek dan penentu dalam perkembangan hidupnya
  - Aliran pemikiran yang memerlukan penghayatan pada keindahan alam seجات
18. Selepas 1453, jalan darat dari Eropah ke Timur melalui Timur Tengah tidak lagi selamat bagi pedagang Eropah. Mengapakah keadaan ini berlaku?
- Kejatuhan Istanbul ke tangan kuasa Islam Turki
  - Perang Salib masih berlaku ketika itu
  - Berlaku rusuhan di laluan ke Timur
  - Tentera Islam di Timur Tengah menyekat laluan pedagang Eropah
19. Apakah matlamat utama orang Portugal dan Sepanyol menjelajah?
- Menyebarkan agama Kristian
  - Memperluaskan sistem kewangan mereka
  - Mencari kekayaan di sebelah Timur
  - Menaikkan kemegahan bangsa mereka
- I, II dan III
  - I, II dan IV
  - I, III dan IV
  - II, III dan IV
20. Pada kurun ke 17, Belanda, Inggeris dan Perancis telah bangkit sebagai kuasa penjajah yang besar dan kuat. Apakah kejayaan utama yang diperolehi Belanda di Timur?
- Menguasai Burma dan menjadikannya pusat dagangan
  - Menguasai Kepulauan Indonesia
  - Merampas perdagangan rempah dari Portugis
  - Berjaya mengamalkan dasar monopoli dagangan
- I, II dan III
  - I, II dan IV
  - I, III dan IV
  - II, III dan IV

- Ia amat diperlukan oleh pihak luar
- Ia adalah pusat dunia

21. Kenyataan di atas adalah berkaitan dengan negara China. Mengapakah masyarakat di negara China beranggapan sedemikian?
- I Mereka bertamadun tinggi
  - II Bilangan penduduknya begitu banyak
  - III Mereka banyak menghasilkan barang mewah
  - IV Pengaruh orang Cina begitu kuat di timur
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV
22. Enjin berkuasa wap yang telah dicipta oleh Thomas Newcomen pada tahun 1702 telah digunakan dengan meluas. Apakah tujuan penggunaan enjin berkuasa wap ini?
- A. mengangkut keluar arang batu dari lombong
  - B. Memudahkan proses perlombongan besi
  - C. Mempercepatkan proses perindustrian tekstil
  - D. Mengatasi masalah takungan air di lombong-lombong arang batu
23. Semasa Revolusi Perindustrian, institusi kewangan diwujudkan. Apakah tujuan utama institusi itu diwujudkan?
- A. Memudahkan pemindahan modal
  - B. Memudahkan penyimpanan harta
  - C. Menyediakan khidmat nasihat
  - D. Memudahkan penetapan kadar cukai
24. Semasa tercetusnya Revolusi Pertanian di Eropah, jentera penyemai Jethro Tull dan mesin bajak Rotterham dicipta bagi kegunaan di ladang. Mengapakah kaedah pertanian ini digunakan?
- I Memudahkan kerja di ladang yang luas
  - II Mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh di ladang
  - III Kerana kawasan pertanian dapat dibiarkan kosong
  - IV Mempercepatkan proses menanam dan memungut hasil
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV

25. Apakah kesan-kesan Revolusi Pertanian di Eropah?
- I Pengeluaran hasil dan mutu tanaman meningkat
  - II Pertanian campur diamalkan
  - III Baka binatang ternakan dapat membesar dengan cepat
  - IV Ramai peladang yang menganggur
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV
26. Mengapakah Revolusi Perancis dianggap sebagai Revolusi Borjuis?
- A. Kerana memperjuangkan hak-hak kemanusiaan
  - B. Kerana mementingkan golongan kelas menengah
  - C. Kerana kepentingan golongan berhartu tidak terjejas
  - D. Kerana hanya diperjuangkan oleh mereka yang berfahaman liberal
27. Akta Kilang 1833 digubal bagi melindungi kebajikan pekerja khususnya kanak-kanak. Antara berikut pernyataan manakah yang berkaitan dengan Akta Kilang 1833 itu?
- I Kanak-kanak dikehendaki bersekolah
  - II Kanak-kanak yang tidak mendapat izin penjaga tidak dibenarkan bekerja
  - III Kanak-kanak tidak dibenarkan bekerja sambil bersekolah
  - IV Kanak-kanak tidak boleh bekerja lebih daripada 9 jam sehari
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. I dan IV
  - D. III dan IV
28. Revolusi Perindustrian Eropah pada pertengahan kurun ke 18 telah membawa kepada kemunculan imperialisme Barat di rantau ini. Mengapakah keadaan ini berlaku?
- A. Imperialis ingin mencari pasaran bagi bahan mentah mereka
  - B. Imperialis inginkan bekalan bahan mentah yang berterusan
  - C. Imperialis berhasrat membantu mentamadunkan orang Asia
  - D. Imperialis bercita-cita untuk sama-sama membangunkan Asia
29. Sesetengah orang Barat memberi pelbagai alasan untuk meluaskan kuasa mereka. Antara berikut, apakah alasan yang sering digunakan mereka untuk menguasai Asia?
- A. Teknologi peperangan Barat lebih canggih dari bangsa timur
  - B. Kemajuan sains dan teknologi mereka terbukti lebih hebat
  - C. Sistem politik Barat lebih tersusun dan cekap berbanding bangsa lain
  - D. Kebudayaan dan peradaban mereka lebih tinggi berbanding orang lain



30. Salah satu faktor Thai berupaya mengekalkan kedaulatannya ialah kerana kebijaksanaan pemerintahnya. Apakah buktinya?
- I Pemerintahnya tidak bertindak kasar terhadap persaingan Perancis dan Britain
  - II Pemerintahnya tidak menghalang kemasukan pedagang dan pengaruh politik Barat
  - III Pemerintahnya menguasai Bahasa Inggeris untuk mengetahui keadaan dunia luar
  - IV Pemerintahnya melakukan pembaharuan secara berperingkat-peringkat
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV
31. Mengapakah gerakan nasionalisme di Asia Tenggara pada tahap awal dikatakan bersifat sederhana?
- A. Tiada gerakan yang menuntut kemerdekaan dengan serta merta
  - B. Tiada nasionalis yang berani mengemukakan idea penentangan
  - C. Tiada gerakan yang bekerjasama dengan penjajah ketika itu
  - D. Tiada organisasi yang muncul ketika itu
32. Sesetengah golongan yang mendapat pendidikan Barat telah menjadi mangsa penjajahan fikiran, budaya dan sikap Barat. Pernyataan ini merupakan antara kesan pengenalan pendidikan sekular di Asia. Apakah bukti pernyataan ini?
- A. Orang Asia banyak memilih pendidikan sekular daripada pendidikan agama
  - B. Orang Asia begitu mendewa-dewakan "Orang Putih" dan mengagung-agungkan tamadun Barat
  - C. Orang Asia amat bimbang untuk menentang penjajah Barat
  - D. Orang Asia semakin membiarkan penjajah menindas mereka
33. Pada kurun ke-19 dan awal kurun ke-20, beberapa perkembangan baru telah wujud di Asia Tenggara yang telah mempercepatkan nasionalisme di rantau ini. Antara berikut, apakah yang dimaksudkan dengan perkembangan baru ini?
- I Kemajuan pendidikan
  - II Perkembangan sistem birokrasi
  - III Kemajuan alat sebarom am
  - IV Kepsatan infrastruktur moden
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV

- Parti Nasionalis Indonesia
- Viet Nam Quoc Dang Dang
- Kesatuan Melayu Muda

34. Ketiga-tiga parti di atas mempunyai banyak persamaan. Apakah ciri-ciri persamaannya?
- I Parti-parti ini lebih agresif dan radikal
  - II Anggotanya mula menuntut kemerdekaan
  - III Parti-parti ini merupakan antara pergerakan yang bercorak politik awal
  - IV Anggota parti-parti ini begitu bekerjasama dengan penjajah untuk menuntut kemerdekaan
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV
35. Kemelesetan ekonomi dunia pada awal 1930an turut di alami oleh Tanah Melayu. Berikut adalah kesan kemelesetan ekonomi dunia ke atas Tanah Melayu.
- I Pendapatan negara berkurangan
  - II Perdagangan antarabangsa dihentikan
  - III Harga bahan mentah rendah
  - IV Kemasukan imigran dikawal
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV
36. Perang Dunia Pertama menimbulkan rasa tidak puas hati Itali. Untuk mengatasi masalah tersebut, Itali telah mengadakan gerakan politik. Faktor utama gerakan politik di Itali ialah
- A. Mussolini mengambilalih teraju pemerintahan negara
  - B. pengenalan kegiatan ekonomi moden
  - C. kemunculan pemimpin nasionalis yang menzalimi rakyat
  - D. menebus maruah dengan cara meluaskan jajahannya
37. Australia, Kanada dan New Zealand dikenali sebagai negara Dominion Putih. Mengapakah negara-negara ini dikenali sedemikian?
- A. Penduduk pribumi diberikan kuasa yang adil
  - B. Kaum pendatang melebihi penduduk asal
  - C. Kaum pendatang menguasai bidang ekonomni
  - D. Penduduk pribumi dibenarkan berpolitik secara terhad

38. Selepas Perang Dunia Kedua, politik dunia sangat dipengaruhi oleh Perang Dingin. Walau bagaimanapun, terdapat negara yang dikenali sebagai Dunia Ketiga tidak mahu melibatkan diri dalam persengketaan tersebut.  
Mengapakah sesebuah negara itu dianggap sebagai Negara Dunia Ketiga?
- A. Mereka baru merdeka
  - B. Berkecuali di dalam Perang Dingin
  - C. Perbezaan nilai budaya
  - D. Menghadapi pelbagai masalah
39. Liga Bangsa adalah badan tetap antarabangsa yang diwujudkan pada akhir Perang Dunia Pertama. Antara berikut, yang manakah merupakan bukti-bukti kegagalan Liga Bangsa sebagai Badan Pendamai Dunia?
- I Gagal menolak cadangan Woodrow Wilson
  - II Gagal menghalang Jepun menawan Manchuria
  - III Gagal menyekat serangan Itali ke atas Habsyah
  - IV Gagal menghalang Hitler melanggar Perjanjian Versailles
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV

Pertubuhan ini ditubuhkan pada tahun 1963 untuk mencapai kerjasama yang lebih erat antara Malaysia, Filipina dan Indonesia dalam bidang politik, ekonomi dan kebudayaan. Pertubuhan ini gagal mencapai matlamatnya.

40. Kegagalan pertubuhan ini disebabkan oleh
- A. bantahan Indonesia terhadap penubuhan Malaysia
  - B. rasa curiga tentang kegiatan komunis di negara anggota
  - C. kepentingan ekonomi yang berbeza di antara negara anggota
  - D. ideologi politik yang berbeza di kalangan negara anggota

**KERTAS SOALAN TAMAT**